

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**TARIKH : 11 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB PUAN TEO NIE CHING [KULAI]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan Kerajaan untuk menyediakan 500,000 rumah untuk golongan sasaran PR1MA dan berapa buah rumah telah dibina setakat ini.

**JAWAPAN: YB DATO'SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar perumahan selesa, berkualiti dan mampu milik adalah keperluan genting golongan berpendapatan sederhana di kawasan bandar dan pinggiran bandar. Kerajaan komited memastikan setiap rakyat berpeluang memiliki rumah sendiri. PR1MA adalah manifestasi hasrat kerajaan dalam menyediakan kediaman mampu milik kepada semua golongan berpendapatan sederhana. Setakat ini, Kerajaan Negeri serta pihak swasta telah memberikan sokongan dan kerjasama yang baik dalam memastikan hasrat nurani ini tercapai.

Rumah-rumah PR1MA dibina di kawasan strategik bandar-bandar utama serta pinggiran bandar di seluruh Malaysia. Rumah-rumah PR1MA adalah terbuka kepada individu atau keluarga (suami dan isteri) dengan pendapatan purata bulanan isi rumah antara RM2,500 – RM 7,500. Harga rumah yang ditawarkan adalah di antara RM100,000 – RM400,000 dan ianya tertakluk kepada lokasi dan jenis spesifikasi rumah berkenaan. Dalam ertikata lain, harga rumah PR1MA adalah sekurang-kurangnya 20 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran rumah yang mempunyai spesifikasi yang sama di kawasan persekitaran projek perumahan PR1MA tersebut.

PR1MA telah dimandatkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membina sebanyak 500,000 unit rumah di seluruh negara dalam jangkamasa lima tahun. Setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 80,494 unit dalam jangkamasa setahun yang merangkumi 55 buah projek di semua negeri bagi seluruh

negara. Kesemua projek-projek ini berada di dalam pelbagai peringkat pembangunan. Daripada 55 buah projek tersebut, 11 buah projek telah memperoleh kelulusan Perintah Pembangunan (Development Order).

Pada masa kini sebanyak tiga buah projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah dan Johor sedang di dalam proses pembinaan. Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebanyak 2,074 unit sedang dibina. Di negeri Kedah pula, sebanyak 1,349 unit sedang dibina sementara di negeri Johor, sebanyak 475 unit di dalam proses pembinaan. Secara amnya, proses pembinaan bagi kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua tahun.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WILSON UGAK KUMBONG**  
**KAWASAN : HULU RAJANG**  
**TARIKH : 11 JUN 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WILSON UGAK KUMBONG (HULU RAJANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk memanjangkan kursus-kursus kontraktor dan binaan oleh CIDB yang hanya dikendalikan di bandar-bandar sahaja ke kawasan yang lebih terpencil, misalnya di Belaga atau Kapit dan memperluaskan had penggunaan lesen-lesen kontraktor atau binaan untuk meliputi mana-mana kawasan dan bukan hanya terhad kepada sesuatu kawasan sahaja.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Akademi Binaan Malaysia (ABM) ialah pusat latihan di bawah pengendalian Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). ABM berperanan menyediakan segala bentuk latihan kemahiran yang diperlukan oleh setiap pekerja binaan di negara ini.

Pada masa kini terdapat 6 buah pusat latihan ABM yang beroperasi mengikut zon di seluruh negara, iaitu ABM Utara (Kedah), Timur (Terengganu), ABM Tengah (Kuala Lumpur), ABM Selatan (Johor), ABM Sabah di Kota Kinabalu dan ABM Sarawak di Kuching. Di samping mengadakan kursus-kursus kemahiran di 6 lokasi berkenaan, pihak CIDB juga bersedia dan telah menganjurkan kursus-kursus di luar ABM atau di kawasan luar bandar. Penetapan lokasi kursus itu tertakluk kepada sambutan dan maklum balas yang diterima dari sesuatu kawasan berkenaan. Kursus di luar kawasan ini dikendalikan oleh Pusat Latihan Bertauliah Kontraktor (PLBK) yang dilantik oleh pihak CIDB.

Untuk tempoh dari tahun 2013 hingga 31 Mei 2014, seramai 1,081 peserta kursus di Sarawak telah menghadiri kursus-kursus pembinaan anjuran CIDB, iaitu di Kota Samarahan, Sibul, Bintulu dan Miri (selain di ABM Sarawak di Kuching).

Mengenai sekatan kawasan mengikut gred pendaftaran kontraktor, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekatan kawasan mengikut gred berdaftar kontraktor telah ditentukan berdasarkan ketetapan Kerajaan menerusi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2012 seperti jadual berikut:

<b>GREED PENDAFTARAN</b>	<b>HAD KAWASAN</b>
G1	Mengikut Daerah
G2	Mengikut Negeri
G3 (Ada Sijil Taraf Bumiputera)	Seluruh Negara
G3 (Tanpa Sijil Taraf Bumiputera)	Mengikut Negeri
G4 - G7	Seluruh Negara

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
[ INDERA MAHKOTA ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN : 28**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebabnya taklimat berkaitan kehilangan pesawat MAS MH370 kepada semua Ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen dari parti **PKR, PAS dan DAP** dibatalkan tempohari. Pembatalannya boleh menyebabkan banyak spekulasi yang Kerajaan sendiri tidak gemari.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Taklimat berkaitan kehilangan pesawat MAS MH370 yang dijadualkan pada 1 April 2014 kepada semua Ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen dari pihak pembangkang dibatalkan kerana YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Pengangkutan yang juga merupakan Menteri Pertahanan berada di Hawaii, Amerika Syarikat bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan Amerika-ASEAN.

Maklumat mengenai operasi mencari dan menyelamatkan pesawat MH370 sentiasa diberikan kepada media dan rakyat dari semasa kes semasa. Kerajaan tidak berhasrat untuk menyembunyikan sebarang maklumat atau fakta mengenai insiden ini.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN : 29**

**Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) apakah Kementerian akan mengenakan tindakan yang lebih berat kepada pemandu yang tiada lesen wajib, memandu lebih laju dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu; dan
- (b) apakah Kementerian akan bertindak lebih agresif ke atas pengusaha bas ekspres yang tidak mematuhi keperluan wajib dan latar belakang pemandu bas mereka yang boleh membahayakan nyawa penumpang berikutan insiden 10 kemalangan ngeri melibatkan bas ekspres baru-baru ini.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan mengambil maklum dan menyambut baik saranan YB. Bagan Serai terhadap cadangan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap tiga kesalahan iaitu memandu tanpa mempunyai lesen memandu yang sah, memandu melebihi had laju yang ditetapkan dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu. Saranan ini mengambilkira kebanyakan kemalangan yang terjadi adalah dikaitkan dengan kecuaiian pemandu kenderaan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui pindaan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 pada tahun 2011 telah memperuntukkan tindakan yang lebih berat terhadap mana-mana pemandu yang memandu atas kesalahan tiada lesen memandu atau memandu melebihi had laju ditetapkan. Kesalahan tersebut boleh didenda sehingga RM2,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 bulan manakala denda minimum adalah tidak kurang daripada RM300.

Bagi kesalahan menggunakan telefon bimbit semasa memandu, denda adalah tidak melebihi RM1,000 atau boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 bulan dan dalam kes sabitan kali kedua atau seterusnya boleh didenda tidak melebihi RM,2000 atau dipenjarakan bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan. Hukuman yang dikenakan ini adalah bersifat *deterrent* dalam menunjukkan keseriusan Kerajaan bagi menangani isu kemalangan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung isu tindakan terhadap pengusaha/pengendali bas ekspres kerana mengupah pemandu yang tidak berkelayakkan untuk memandu, ianya adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Berdasarkan maklumbalas yang diterima, pihak SPAD telahpun menggantung lapan pengendali bas yang tidak mematuhi keperluan dan aspek pelaksanaan *Industrial Code of Practice - Safety, Health & Environment (ICOP-SHE)* seperti pengurusan pemandu dan kenderaan, serta pemantauan kelajuan bas.

Tindakan penggantungan ini akan dijalankan secara berterusan dan pembatalan lesen pengendali akan dilakukan sekiranya terdapat elemen kecuaiian walaupun peringatan telah diberikan kepada mereka.